

DAR DEWAN RAKYAT

Soal jawab biasiswa dan perniagaan gamatikan sidang

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

KUALA LUMPUR, Rabu — Soal jawab mengenai biasiswa dan Bahasa Malaysia menimbulkan pertikaian lidah antara Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin dan Ketua Pembangkang, Encek Lim Kit Siang di Dewan Rakyat, hari ini.

Selama setengah jam kedua isu itu menjadikan Dewan hangat dalam sorak-sorai dan jeritan dari pihak penyokong kerajaan kepada beberapa anggota DAP, termasuk Encek Lim. Sidang tersebut dikendalikan oleh Timbalan Speaker, Datuk Mansor Othman. Inilah kecohkan hangat pertama kali terjadi sejak sidang Dewan Rakyat bermula 12 Oktober lalu.

Bertanya

Suasana itu dicitrakan oleh beberapa soalan tambahan yang bertubi-tubi dan ada kalanya terkeluar dari pokok asalnya.

Hamir keseluruhan soalan tambahan yang menimbulkan suasana hangat dan sorak sorai itu dituturkan oleh pihak pembangkang, khususnya DAP, termasuk Encek Lim.

Di akhir soalan mengenai biasiswa, Encek Lim jerit-pelit oleh penyokong kerajaan supaya duduk dan mematuhi arahan Timbalan Speaker. Keadaan yang sama berulang di penghujung soalan

mengenai Bahasa Malaysia.

Wakil BN Ulu Trengganu, Encek Alias Ali bertanya sama ada anak pemimpin dan ahli pemegang juga diberi biasiswa kerajaan.

Datuk Haji Suhaimi, yang juga Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, menjawab: "Kalau si pemohon memenuhi syarat yang ditentukan, miskin dan berkeluarga, dan kalau anak Ketua Pembangkang sekalipun, kita beri biasiswa," tepukan di meja bergema.

Jawapan tersebut disusul oleh soalan tambahan Ahli DAP Jelutong, Encek Karpal Singh dan Encek Lim Kit Siang.

Datuk Haji Suhaimi berkata: "Sebagaimana yang saya tegaskan, biasiswa diberikan berdasarkan kelayakan pemohon, ketamahan ibubapanya dan keperluan negara."

Bellau juga menafikan bahawa pemimpin BN, termasuk Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen menyalahgunakan kuasa mengenai pemberian biasiswa ini.

Selanjutnya, Encek Lim mengadukan Datuk Haji Suhaimi sebagai pura-pura dan bohong seawaktu menerusi jawapan tambahan tuduh. Katanya, mengapa Timbalan Menteri Pelajaran itu tidak berani mengelaskan di Dewan Rakyat bahawa 100 peratus tidak ada Menteri atau Timbalan Menteri yang mendapatkan biasiswa untuk anak mereka.



DATUK MANSOR OTHMAN



DATUK SUHAIMI KAMARUDDIN

Ahli Ulu Muda, Haji Hashim Endut mengemukakan soalan, sama ada yang dibuktikan mengenai kerajaan Malaysia yang terbak di dunia. (Soalan itu ditolak oleh Timbalan Speaker).

Rekas Menteri Undang-undang dan wakil Tenggoroh, Tan Sri Kadri Yusof bangun dan bertanya:

"Sebilangan kecil biasiswa bukannya dipohon, tetapi dihidaihkan kepada

melindungi Timbalan Menteri Pelajaran? Ini disusuli dengan jeritan pihak penyokong kerajaan supaya Encek Lim duduk. Beliau tidak menghiraukan jeritan itu, maka jerit-pelit semakin bergema di Dewan.

Timbalan Speaker pun menarik perhatian Dewan Bahasa Inggeris yang dibangkitkan adalah seperti dalam kertas aturan urusan mesyuarat hari ini.

Sewaktu soaljawab mengenai Bahasa Malaysia, Datuk Haji Suhaimi menyatakan, beliau tidak faham dengan soalan wakil DAP Sandakan, Encek Fung Keng Wing yang berentak dalam Bahasa Inggeris.

Datuk Haji Suhaimi berkata: "Saya tidak faham bahasa Ahli Yang Berhormat itu, saya perlu penterjemah untuk soalan tersebut."

Encek Karpal Singh pun mencela: "Dia faham soalan tersebut tetapi cuba mengadukan." Timbalan Speaker pula cuba menter-

Lebih \$8 juta biasiswa Kementerian Pelajaran tahun ini

KUALA LUMPUR, Rabu — Masalah kaum tidak dijadikan kriteria dalam pemberian biasiswa, Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin menjelaskan di Dewan Rakyat hari ini.

Mengjawab soalan utama Haji Mohd. Zaini Abdullah (PAS-Bachok), Timbalan Menteri itu menegaskan, Kementerian Pelajaran mengeluarkan 1.285 bilion biasiswa melibatkan \$5,874,729

tahun ini. Bilangan biasiswa yang dikeluarkan oleh agensi kerajaan termasuk Jabatan Perkhidmatan Awam, MAIPA, Petronas, Lembaga Elektrik Negara dan RISDA adalah 5,149 melibatkan \$66,518,872.

Kesemua biasiswa agensi itu katanya, diselenggarakan dengan Kementerian Pelajaran.

jemaah soalan Encek Fung itu sambil berkata: "Saya tahu YB Timbalan Menteri benar tentang soalan tersebut."

Jawab Datuk Haji Suhaimi: "Dengan demikian saya minta izin Tuan Speaker supaya ahli itu mengulangi soalan tersebut."

Encek Fung mengulangi soalnya dalam Bahasa Inggeris mengenai langkah-langkah yang diambil untuk memajukan Bahasa Malaysia dan Inggeris di Sabah dan Sarawak.

Bagamana pun isu tersebut dibangkit semula oleh Encek Karpal Singh dalam soalan tambahan dengan menuduh Datuk Haji Suhaimi sebagai berpuar-pura.

Encek Karpal berkata: "Saya nampak Datuk Haji Suhaimi menyuruh kononnya tidak faham Bahasa Inggeris."

Kata-kata Encek Karpal itu membangkitkan kemarahan penyokong kerajaan yang lain sambil mengemukakan Encek Karpal duduk.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Awam, Haji Hussein Mahmood pula mencela: "Peraturan KRU tidak membenarkan soalan dibuat helak helak di bahaskan." Timbalan Speaker menyampuk "YB apa soalnya."

Encek Karpal berkata: "Terfah Bahasa Inggeris telah turun di negara ini dan apakah langkah-langkah diambil untuk mengatasi masalah ini dan juga kenyataan Tim-

balan Menteri adalah merendahkan Bahasa Inggeris."

Haji Suhaimi dengan keras berkata: "Negara ini tidak pernah memusuhi Bahasa Inggeris tetapi apa yang dilakukan ialah untuk mempositkan Bahasa Malaysia menjadi bahasa utama di negara ini."

Memkipun sama dah cukup namun Encek Lim Kit Siang bangun juga untuk mengemukakan bahawa istimewa berhubung kenyataan Datuk Haji Suhaimi itu.

Encek Lim yang beberapa kali ditolak duduk oleh Timbalan Speaker tetapi enggan, terus menyuarakan bahawa kenyataan Haji Suhaimi itu menfah Dewan yang mulia.

Datuk Haji Suhaimi kemudian bangun menjelaskan: "Saya kata saya tidak faham dengan soalan tersebut, bukan tidak faham Bahasa Inggeris."

Encek Lim Kit Siang cuba sekali lagi meyakinkan Dewan bahawa Datuk Haji Suhaimi telah membuat sesuatu yang menfah Dewan.

Bagamana pun, Timbalan Speaker berkata: "Cukup-cukup disambungkan dengan gelak ketawa dan ejek mengejek antara penyokong kerajaan dan pembangkang dari DAP."

ALHAYYARHAM TUN RAZAK Sri Taman dijadikan sebahagian Pustaka Tun Razak

KUALA LUMPUR, Rabu — Bangunan Sri Taman di sini akan dijadikan sebahagian dari projek Pustaka Peringatan Tun Razak, kata Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr. Neo Yee Pan, dalam jawapan bertulisnya, hari ini.

Katanya, bekas kediaman rasmi Perdana Menteri, Alhayarham Tun Hussein Onn itu akan digunakan untuk memamerkan koleksi bahan-bahan peribadi Alhayarham.

Dalam jawapan bertulisnya kepada Datuk Michael Chen (BN-Ulu Selangor), Datuk Dr. Neo berkata, sebilangan daripada projek ini sedang dijalankan sekarang. Beliau juga berkata, kerja-kerja pembinaan Pustaka Peringatan Tun Abdul Razak di Kuala Lumpur belum dimulakan.

Laporan RUHIANE HAJI AHMAD dan JAMALUDIN BAKAR

Ribuan hektar tergedai di bank: Kerajaan digesa segera bertindak

KUALA LUMPUR, Rabu — Kerajaan hari ini diminta memulakan peribuan hektar tanah Bumiputera yang tergedai di bank-bank swasta, supaya tidak jatuh ke tangan bukan Bumiputera.

Wakil Batang Padang, Encek Azrul Abidin, mendendangkan agar kerajaan mendirikan lebih banyak institusi perantaraan yang khas untuk melatih petani-petani agar mereka dapat mengambil sikap.

Tengku Nor Aishah (BN-Tumpat) pula menyokong langkah kerajaan membuat perjanjian dengan terbalik.

Encek Kadir Sheikh Fadzil (BN-Kulim Bada Baru) mahu MARDI menubuhkan satu pusat penyelidikan bagi melicinkan pelaksanaan projek pertaniannya.

Wakil GRK, Haji Tajul Rosli mahu Bank Pertanian memberi pinjaman kepada para petani untuk membeli alat pertanian yang lebih teratar.

Penyakit padi di utara

KUALA LUMPUR, Rabu — Kementerian Pertanian hari ini diminta memulakan dengan segera sebarang inisiatif padi yang dipanggil 'penyakit padi merah' yang berlaku di utara tanah air.

Wakil Barisan Nasional kawasan Ulu Muda, Haji Hashim Eza (PAS-011), menyatakan demikian di Dewan Rakyat hari ini, penyakit tersebut bukan sahaja menyusahkan petani bahkan juga mengurangkan hasil padi.

Berucap dalam perbahasan Dewan Rakyat tahun depan, Haji Hashim berkata, disebabkan penyakit tersebut hasil padi menurun dari 15 gunti/daun yang biasa diperoleh antara 12 atau 13 gunti sahaja.